

Sungai di paras bahaya

Penduduk dinasihatkan berwaspada



Kamalanathan meninjau paras air Sungai Bernam yang dicatatkan berada di paras bahaya.

HULU BERNAM - Sungai Bernam di SKC Bernam di sini dikenalpasti antara tiga sungai paling berisiko di negara ini.

Ahli Parlimen Hulu Selangor, P Kamalanathan berkata, paras air sungai itu mencecah ketinggian 18.6 meter iaitu di paras bahaya.

“Petang semalam (Jumaat lalu), paras sungai ini mencecah 18.6 meter yang mana agak merbahaya terutama kepada penduduk tinggal berdekatan tebing sungai.

“Walaupun paras air sungai hari ini (kelmarin) turun kepada 18.1 meter, tetapi hujan berterusan dikhuatiri meningkatkan lagi paras air dan boleh mengakibatkan

kan limpahan,” katanya ketika meninjau kawasan itu.

Menurutnya, catatan pada paras itu memberi amaran jelas kepada penduduk di beberapa kampung di kawasan berkenaan supaya mengambil langkah berwaspada.

Katanya, cuaca tidak menentu ketika ini memungkinkan pelbagai risiko termasuk banjir.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, Sungai Bernam dalam daerah Hulu Selangor antara dikenal pasti berbahaya selain daerah Gemas, Negeri Sembilan dan Batu Pahat, Johor.

“Iklim ketika ini tidak menentu dan mungkin mengakibatkan banjir.

“Justeru, penduduk di kawasan paling hampir dengan sungai perlu bersiap sedia terutama dokumen serta harta benda lain,” katanya.

Kamalanathan berkata, beliau akan mengambil inisiatif awal dengan mengadakan pertemuan bersama JPS, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia serta jabatan berkaitan untuk membincangkan perkara itu.

Menurutnya, pertemuan itu dijadualkan diadakan Isnin depan di pejabatnya.